

Latif 'takut' bergelar jutawan muda

PEMENANG pingat emas Sukan Paralimpik Rio baru-baru ini, Abdul Latif Romly mengaku sangat teruja, namun pada masa sama takut dengan gelaran jutawan muda hasil ganjaran yang diperoleh atas kejayaan tersebut.

Abdul Latif, 19, meraih pingat emas dalam acara lompat jauh T20, menerima Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam) berjumlah RM1 juta dan beberapa sumbangan syarikat korporat termasuk Naza Corporation Holdings yang memberikan sebuah suite kediaman di Trion 888, Equine Park bernilai RM350,000 dan sebuah kereta Kia Sportage berharga RM121,888 ekoran kejayaannya di Rio de Janeiro, Brazil.

Atlet kelahiran Perlis itu berkata, dia tidak menyangka kejayaan itu telah mengubah hidupnya sekeluarga hasil daripada titik peluhnya.

"Terima kasih kepada semua ganjaran yang diberikan kepada saya dan rakari-rakan. Saya

gembira tetapi takut juga sebab saya masih muda.

"Saya akan pastikan kewangan saya diurus dengan baik. Saya juga ingat pesanan semua supaya terus melakar kejayaan dan bersedia menyahut cabaran Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar untuk beraksi pada Sukan SEA dan memecah rekod kebangsaan," katanya kepada pemberita di Menara Naza, Kuala Lumpur semalam.

Selain Abdul Latif, turut mendapat hadiah sama daripada Naza Corporation Holdings adalah Muhammad Ziyad Zolkefli dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, masing-masing meraih pingat emas dalam acara lontar peluru F20 dan 100 meter lelaki T36.

Pemenang pingat gangsa, Siti Noor Radiah Ismail pula menerima sebuah kereta Kia Rio (sedan) bernilai RM72,888 pada majlis penyampaian yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Naza, SM Nasarudin SM Nasimuddin dan Khairy.



ATLET paralimpik (dari kanan), Ridzuan, Latif, Ziyad dan Radiah bersama kereta Kia sumbangan Naza Corporation Holdings atas kejayaan mereka pada Sukan Olimpik Rio di Menara Naza, Kuala Lumpur semalam.